



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PHEKS 2025 CATAT PERUNTUKAN TERTINGGI DALAM SEJARAH - KESUMA TERUS PERKASA KESATUAN SEKERJA

Melaka, 14 Jun 2025 – Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) telah menganjurkan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Bersama Kesatuan Sekerja dan Majlis Penyerahan Bantuan Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) Tahun 2025 bagi Peringkat Negeri Melaka. Majlis yang berlangsung di Villa D'Acqua, Masjid Tanah ini telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka.

Program CSR ini bertujuan mengukuhkan kerjasama antara kesatuan sekerja dan kerajaan, di samping merapatkan hubungan dengan masyarakat melalui aktiviti seperti Riverside Fun Walk @ Tanjung Bidara, pertandingan memancing, sukan rakyat, e-sukan Mobile Legends, servis minyak hitam percuma serta pertandingan memasak bersama ADABI. Lebih 500 peserta menyertai program ini, melibatkan pelbagai jabatan, kesatuan dari Negeri Sembilan dan Melaka serta komuniti setempat.

Majlis turut menyaksikan penyerahan bantuan PHEKS 2025, satu inisiatif penting memperkasakan gerakan kesatuan sekerja di Malaysia. Tahun ini, kerajaan **memperuntukkan RM10 juta**, jumlah tertinggi dalam sejarah PHEKS berbanding RM5.8 juta pada 2024. Sejumlah 1,049 permohonan diterima, dengan 551 permohonan diluluskan bernilai RM7.15 juta, **termasuk 21 projek di Negeri Melaka melibatkan RM359,998.**

Bantuan PHEKS 2025 merangkumi lima kluster utama:

Latihan dan Pendidikan	:	RM5.45 juta untuk 334 permohonan
Kajian Kesatuan	:	RM345,500 untuk 8 permohonan
Penulisan Ilmiah	:	RM136,000 untuk 7 permohonan
Perkakasan Komputer	:	RM831,107 untuk 180 permohonan

Pendigitalan Rekod : RM384,599 untuk 22 permohonan

Menurut statistik 2024, terdapat 762 kesatuan sekerja berdaftar dengan keanggotaan melebihi 1 juta ahli, termasuk 500 kesatuan sektor swasta dengan 411,520 ahli. Seramai 67,644 pekerja menerima manfaat daripada 240 Perjanjian Kolektif yang membolehkan rundingan formal antara pekerja dan majikan.

Dalam usaha memperkukuh peranan kesatuan sekerja, KESUMA turut memperkenalkan Kad Pekerja MADANI, eksklusif untuk ahli kesatuan berdaftar di bawah JHEKS. Kad ini menawarkan pelbagai keistimewaan seperti diskaun sehingga 30% bagi perkhidmatan, barangan, kesihatan dan pendidikan. Inisiatif ini mengiktiraf sumbangan ahli kesatuan dalam pembangunan negara serta menggalakkan penyertaan lebih meluas.

KESUMA akan terus komited memperkasa kesatuan sekerja secara progresif, matang dan inklusif, sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI untuk memastikan suara pekerja terus didengari dalam landskap pembangunan negara.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

14 JUN 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	